

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA SEMAKAN SISTEM (JKSS)

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 PENGENALAN

Jawatankuasa Semakan Sistem (JKSS) merupakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Pusat Teknologi Digital (DiTec). JKSS berperanan untuk membincang, memberi kelulusan dan menyelaras berkenaan pembangunan serta penambahbaikan sistem di UMPSA. Selain itu, penubuhan JKSS juga merupakan medium komunikasi diantara pembangun sistem dan pemilik sistem.

2.0 KEAHLIAN

- a) **Pengerusi**
Pengarah DiTec
- b) **Ahli**
 - i. Timbalan Pengarah, Bahagian Infostruktur Digital
 - ii. Penolong Pengarah / Ketua Seksyen, Bahagian Infostruktur Digital
 - iii. Ketua Unit, Bahagian Infostruktur Digital
 - iv. Wakil Unit Pusat Data, Bahagian Infrastruktur Digital
 - v. Wakil Unit Pengurusan Identiti & Integrasi Digital
 - vi. Pengurus Kanan Pusat Pembangunan & Teknologi Maklumat (PPTM)
 - vii. Wakil Jabatan Pendaftar (Pusat Pengurusan Governan dan Dasar)
- c) **Sekretariat**
Dua (2) orang staf Bahagian Infostruktur Digital
 - i. Eksekutif Teknologi Maklumat, atau
 - ii. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
- d) Pengerusi berhak melantik sesiapa sahaja sebagai keahlian dan sekretariat dalam jawatankuasa mengikut keperluan.
- e) Pengerusi boleh melantik di kalangan mana-mana ahli jawatankuasa untuk menjalankan fungsi sebagai Pengerusi.
- f) Korum bagi mesyuarat JKSS adalah sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) orang ahli jawatankuasa termasuk pengerusi mesyuarat.

- g) Sekiranya ahli mesyuarat tidak dapat hadir atas sebab yang tidak dapat dielakkan, ahli yang berkenaan boleh menghantar wakil.

3.0 PROSES KERJA

Merujuk kepada Carta Alir Permohonan Sistem, UMPSA-ISMS-P2-015: Prosedur Pembangunan Sistem Aplikasi, UMPSA-ISMS-P2-029 : Prosedur Penutupan Dan Pelupusan Sistem.

4.0 KEKERAPAN MESYUARAT

Sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun.

Terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu:

- a. Mesyuarat Biasa; dan
- b. Mesyuarat Khas

Mesyuarat Biasa hendaklah diadakan sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun pada tarikh yang ditetapkan oleh Pengerusi.

Mesyuarat Khas hendaklah diadakan apabila:

- a. Diarahkan oleh Pengerusi, atau
- b. Terdapat permintaan sekurang-kurangnya satu pertiga ($1/3$) daripada bilangan ahli

Mesyuarat boleh diadakan secara dalam talian sekiranya perlu, atas pertimbangan Pengerusi.

5.0 BIDANG TUGAS

- i. Menyemak, menganalisa keperluan dan memberikan kelulusan permohonan;
- ii. Membuat perancangan keutamaan pembangunan sistem yang akan dibangunkan;

- iii. Mengurus dan menyelaraskan proses pembangunan dan penambahbaikan sistem aplikasi;
- iv. Memantau kemajuan proses pembangunan dan penambahbaikan sistem secara berkala;
- v. Memberikan khidmat nasihat bagi pembangunan dan penambahbaikan sistem secara khidmat sumber dalaman atau luaran;
- vi. Mengurus dan menyelaraskan proses penutupan dan pelupusan sistem aplikasi;
- vii. Mengurus dan menyelaraskan dokumen berkaitan proses pembangunan sistem aplikasi;
- viii. Memastikan aliran proses kerja pengurusan JKSS sentiasa disemak dan boleh dirujuk apabila diperlukan.
- ix. JKSS perlu melaporkan/pemakluman status projek tahunan semasa dan perkara berkaitan kepada Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT).

6.0 STRUKTUR JAWATANKUASA SEMAKAN SISTEM (JKSS)

